



31 MAR, 2026

1,026 terima darjah kebesaran



Berita Harian, Malaysia

Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75 Yang di-Pertua Negeri Sabah

# 1,026 terima darjah kebesaran

**Anak Musa terima pingat Panglima Gemilang Darjah Kinabalu membawa gelaran Datuk**

Oleh Izwan Abdullah  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Anak Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Musa Aman, dan anak Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor, antara penerima pingat serta darjah kebesaran Sabah sempena sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75 Musa, semalam.

Anak Musa, Hazem Mubarak yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Manila, menerima darjah kebesaran kedua tertinggi Sabah, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) yang membawa gelaran Datuk.

Anak Hajiji, Mohd Ghazali yang juga Ketua Pemuda Parti

Gagasan Rakyat Sabah (Gagasan Rakyat) Bahagian Sulaman, turut menerima darjah kebesaran yang sama.

Turut menerima PGDK ialah Ahli Parlimen Kinabatangan, Mohd Kurniawan Naim Moktar yang juga anak bekas Ketua UMNO Sabah, Allahyarham Datuk Seri Bung Moktar Radin yang meninggal dunia pada 5 Disember tahun lalu.

## 79 penerima PGDK

Mohd Kurniawan Naim memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kinabatangan pada 24 Januari lalu yang diadakan berikutan kematian bapanya selaku penyandang kerusi itu.

Ketiga-tiga mereka ialah antara 79 penerima PGDK pada tahun ini.

Selain mereka, antara pemimpin politik lain yang turut menerima PGDK ialah bekas ADUN Labuk, Abdul Rahman Kongkawang; Ketua PKR Cabang Beaufort, Dikin Musah; serta Pemangku Ketua Pemuda Gagasan Rakyat, Azrul Ibrahim.

Penerima lain PGDK termasuklah Panglima Armada Timur Tentera Laut Diraja



Musa pada Istiadat Perbarisan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah di Kota Kinabalu, semalam.

(Foto Mohd Adam Arinin/BH)

Malaysia (TLDM), Laksamana Madya Datuk Khir Junaidi Idris; Panglima 5 Divisyen Tentera Darat Malaysia, Brigedier Jeneral Datuk Shamshor Jaafar; Hakim Mahkamah Tinggi, Maslinda @ Linda Mohd Ainal; Penga-

rah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah, Awang Juri Awang Tahir; dan Pengerusi Sabah Electricity Sdn Bhd, Saadiah Aziz.

Tidak ketinggalan, ahli akademik seperti Timbalan Naib Can-

selor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Rossita Shapawi, serta Pensyarah Kanan Sains Sosial UMS, Prof Madya Dr Lee Kuok Tiung.

Turut menerima PGDK ialah Pengarah Jabatan Kesihatan Sabah, Dr William Gotulis; Ketua Konservator Hutan Sabah, Zulkifli Suara; serta Pengurus Besar Pejabat Wilayah PETRONAS Sabah dan Labuan, Siti Ayu Haniza Abdul Wahab.

Seramai 1,026 individu ternarai menerima pingat dan darjah kebesaran Sabah sempena sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75 Musa.

Senarai itu didahului tokoh korporat dalam industri minyak dan gas serta teknologi yang juga Pengarah Urusan FPSO Ventures Sdn Bhd, Datuk Abdul Farish Abd Rashid.

Beliau bersama Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail dan Ketua Hakim Negara, Datuk Seri Wan Ahmad Farid Wan Salleh, menerima darjah kebesaran tertinggi Sabah, Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) yang membawa gelaran Datuk Seri Panglima.